

Erat kerjasama atasi wabak denggi



● Penglibatan semua lapisan masyarakat dalam kegiatan gotong royong membantu mengatasi demam denggi.
(Gambar hiasan)

SHAH ALAM - Sejak awal Januari hingga 21 Mac 2009, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerima 1,109 laporan kes demam denggi.

Daripada jumlah itu, 559 kes disahkan positif menghidap demam denggi, di mana 545 melibatkan demam denggi (DD) manakala 14 kes demam denggi berdarah (DDB).

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, sepanjang tempoh itu, Majlis membuat pemantauan dan mengadakan pemeriksaan di 19,587 premis termasuk kediaman, kedai, sekolah, kilang, tadika, tapak binaan dan kawasan berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati 593 premis positif menjadi tempat pembiakan Aedes dan MBSA juga mengeluarkan 345 kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 1976) serta kesalahan ini boleh dikenakan kompaun sehingga RM500.

"Sepanjang tempoh tersebut, pihak MBSA juga membuat semburan kabus (fogging) untuk mengawal pembiakan Aedes dan sekaligus dapat mengawal jangkitan demam denggi ini daripada merebak.

"Pihak MBSA mengharapkan kerjasama melibatkan semua lapisan masyarakat untuk menangani masalah peningkatan demam denggi di kawasan pentadbiran MBSA. Langkah ini tidak akan berjaya sekiranya masyarakat masih lagi mengambil sikap sambil lewa dan

sempurna menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

meninggalkan kebersihan di kawasan kediaman masing-masing," katanya.

Beliau berkata, pihak MBSA sentiasa memantau masalah peningkatan demam denggi dan bermula dari 14 Mac lalu, Majlis dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menjalankan Operasi Bersepadu yang dipanggil Ops. Mega untuk memantau dengan memeriksa lokaliti dan kawasan dikenal pasti sebagai kawasan wabak demam denggi.

"Ops. Mega ini juga melibatkan pasukan bantuan daripada beberapa Pejabat Kesihatan Daerah dari Negeri Selangor untuk membantu menjalankan pemeriksaan ke premis bagi mengurang-

345 kompaun denda RM500

kan demam denggi di kawasan MBSA.

"Daripada pemerhatian yang dilakukan, didapati punca utama yang menyebabkan berlakunya pembiakan Aedes ini adalah kerana kealpaan dan sikap cuai masyarakat yang tidak mengawal selia tangki simpanan air, koridor serta 'gutter' di kawasan premis mereka yang boleh menyebabkan air bertakung dan sesuai menjadi tempat pembiakan Aedes," katanya.

Menurutnya, keadaan persekitaran rumah kediaman yang tidak diselenggarakan dengan baik seperti longkang tersumbat, kolah mandi tidak dijaga dan sampah sarap yang tidak dibuang dengan

sempurna menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"MBSA serius dalam menangani masalah nyamuk Aedes ini dan berharap dapat kerjasama warga kota Shah Alam untuk bersama berganding tangan bagi memastikan Shah Alam bebas daripada penyakit demam denggi. Ini termasuk memastikan kawasan sekitar bebas daripada sampah sarap dan sentiasa mengamalkan cara pembuangan sampah yang betul," katanya.

Beliau berkata, MBSA juga mengajak orang ramai supaya sentiasa memantau kawasan di dalam rumah seperti tempat perangkap semut, pasu bunga dan juga tangki simpanan air atau kolah serta bekas-bekas lain yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes.

"Pada masa sama, pihak Majlis juga memohon kepada orang ramai supaya dapat mengambil masa hanya 10 minit setiap minggu untuk membuat pemeriksaan dan pembersihan di dalam rumah mahupun persekitaran rumah masing-masing supaya dapat memastikan nyamuk Aedes ini tidak dapat membiak di persekitaran kediaman masing-masing.

"Kerjasama masyarakat amat diharapkan untuk memastikan Bandaraya Shah Alam bebas daripada wabak demam denggi dan sebarang pertanyaan berhubung aduan demam denggi boleh berhubung dengan Bilik Gerakan Denggi, Jabatan Perkhidmatan Bandar, MBSA di talian 03-55222793," katanya.